



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

JAWATAN	: Pembantu Sokongan (Perladangan) Seksyen Operasi Unit Pertanian & Keselamatan Makanan Bahagian Pelaburan
GRED JAWATAN/GAJI	: Gred A5
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: Bukan Pengurusan
TARAF JAWATAN	: Tetap
BILANGAN KEKOSONGAN	: Satu
GAJI	: RM1,895.00 hingga RM2,295.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- Warganegara Malaysia, lelaki;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Kelayakan minimum Pendidikan Menengah Rendah (PMR) atau yang setaraf;
- Bersedia bekerja di tapak ladang dan boleh bekerja di luar kawasan; dan mempunyai pengalaman berkerja di ladang sekurang-kurangnya dua (2) tahun berkaitan kerja menanam pokok, membaja, menyiram, merumput, memangkas, menyelenggara parit, kolam dan longkang;
- Mempunyai tahap kesihatan yang baik; dan
- Boleh berkerja lebih masa apabila perlu dan memberikan kerjasama yang baik dalam melaksanakan tugas.

DESKRIPSP TUGAS :

- Bertanggungjawab memastikan semua urusan berkaitan kerja-kerja ladang di Unit Pertanian & Keselamatan Makanan adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- Memastikan kerja-kerja penyelenggaraan seperti semburan perosak dan serangga, meracun, merumput, pembajaan dan pemangkasan di ladang dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan.
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON DAN TARIKH TUTUP IKLAN :

- a. Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan jawatan yang boleh dimuat turun secara atas talian di www.jbiotech.my.
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan, sijil/dokumen yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain yang disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah **sebelum atau pada 17 Mac 2024 jam 4.00 petang**.
Ketua Pegawai Eksekutif
J-Biotech Holdings Sdn Bhd
No 44 Jalan Iskandar Putri 1/2
Taman Nusantara Prima
81550 Gelang Patah
Iskandar Puteri
Johor
- c. Nama jawatan yang dipohon dan tarikh tutup iklan hendaklah ditulis di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.

CATATAN :

- a. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk temuduga;
- b. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh 30 hari dari tarikh iklan ditutup;
- c. Permohonan yang tidak menggunakan borang permohonan jawatan yang disediakan, tidak disertakan dokumen yang diperlukan, tidak lengkap atau tidak terang/tidak jelas dan tidak mematuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan akan ditolak;
- d. Permohonan yang lewat atau diterima selepas tarikh tutup iklan juga akan ditolak; dan
- e. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ini adalah ditanggung sendiri oleh pemohon.

J-Biotech Holdings Sdn Bhd

3 Mac 2024

22 Syaaban 1445H